

Usul kenaikan harga minyak terima undian 129-78

KOSMO 24/06/08 M/S 4

KUALA LUMPUR - Usul berkaitan kenaikan harga minyak dan barangan yang dikemukakan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Shahrir Abd. Samad diterima pada persidangan Dewan Rakyat semalam setelah diadakan undian belah bahagian.

Selepas undian secara bertulis dijalankan mengikut blok itu selesai pada pukul 7.10 malam tadi, Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Datuk Pandikar Amin Mulia mengumumkan seramai 129 orang bersetuju, manakala seramai 78 orang tidak bersetuju dengan usul berkenaan.

Kaedah belah bahagian itu terpaksa dilakukan setelah ahli-ahli dari pembangkang tidak berpuas hati dengan keputusan Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Ronald Kiandee yang memutuskan usul diterima selepas undian suara dibuat.

Ini kerana, suara mereka yang bersetuju sama kuat dengan suara mereka yang ti-



ORANG ramai dan wartawan mengikuti usul yang dibentangkan Shahrir Samad menerusi televisyen di lobi Parlimen semalam.

dak bersetuju.

Ketika keadaan dewan kecoh apabila hampir semua ahli dari pembangkang bangun membantah, Pandikar masuk ke dalam dewan untuk me-

ngambil alih tugas daripada Ronald.

Pandikar kemudiannya membenarkan kaedah undian secara belah bahagian kerana ada bantahan lebih daripada

15 orang mengikut Peraturan Mesyuarat Perkara 46 (4) setelah ia dikemukakan wakil pembangkang, Mohamed Azmin Ali (PKR-Gombak).

Ini merupakan kali kedua

selepas pertama kali undian secara belah bahagian diadakan pada 28 Mei lalu ketika proses meluluskan Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun di bawah Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2007) 2008.

Menteri yang tidak hadir ialah Menteri Luar, Datuk Seri Dr. Rais Yatim (BN-Jelebu); Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ahmad Zahid Hamidi (BN-Bagan Datoh) dan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Zulhasnan Rafique (BN-Setiawangsa).

Ahli Parlimen BN yang tidak hadir ialah Datuk Eric Enchin Majimbin (Sepang), Datuk Dr. Chua Soon Bui (Tawau), Tan Sri Rafidah Aziz (Kuala Kangsar), Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad (Kangar), Datuk Seri Tengku Azlan Sultan Abu Bakar (Jerantut), Tiong Thai King (Langkat), Raimee Unggi (Tenom) dan Datuk Dr. James Dawot Mamit (Mambong).

Terdahulu, ketika membentangkan usul tersebut

pada pukul 11.30 pagi semalam, Shahrir berkata, kenaikan harga minyak dan makanan secara mendadak merupakan fenomena global yang sememangnya di luar kawalan kerajaan.

Jelas beliau, langkah penstrukturan semula sistem subsidi minyak dan gas bertujuan mengurangkan beban rakyat terhadap tekanan ekonomi negara dan supaya subsidi dapat diagihkan secara saksama.

Katanya, langkah itu berikutan krisis subprima yang dihadapi Amerika Syarikat sekarang yang diramal mengakibatkan kemelesetan ekonomi dan dijangka merebak ke seluruh dunia.

Razali Ibrahim (BN-Muar) kemudiannya menyokong usul berkenaan sebelum sesi perbincangan dibuka dan Lim Guan Eng (DAP-Bagan) mula menyampaikan hujahnya sehingga selesai sembilan Ahli Parlimen dari BN dan sembilan dari pembangkang menyampaikan hujah masing-masing.